



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 11 Oktober 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

| BIL | PERKARA   | SUMBER  | SENTIMEN |
|-----|---|---|----------|
| 1.  | <b>Permaisuri Agong Berkenan Ke Persidangan Kesejahteraan Mental Dan Pemerksaan Wanita</b><br><br><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/690288/berita/nasional/permaisuri-agong-berkenan-ke-persidangan-kesejahteraan-mental-dan-pemerksaan-wanita">https://www.sinarharian.com.my/article/690288/berita/nasional/permaisuri-agong-berkenan-ke-persidangan-kesejahteraan-mental-dan-pemerksaan-wanita</a><br><br><a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2350226">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2350226</a><br><br><a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/perkukuh-kesejahteraan-wanita-seru-lebih-banyak-usaha-dilaksana">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/perkukuh-kesejahteraan-wanita-seru-lebih-banyak-usaha-dilaksana</a> | Sinar Harian<br><br>Bernama<br><br>Berita RTM | Neutral  |
| 2.  | <b>JKM Cari Waris Juin Sabin</b><br><br><a href="https://themalaysiapress.com/jkm-cari-waris-juin-sabin/">https://themalaysiapress.com/jkm-cari-waris-juin-sabin/</a>   | The Malaysia Press                            | Neutral  |
| 3.  | <b>Bayi Ditemukan Di Gerai Kuih Masih Dirawat Di Hospital</b><br><br><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1143039/bayi-ditemukan-di-gerai-kuih-masih-dirawat-di-hospital">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1143039/bayi-ditemukan-di-gerai-kuih-masih-dirawat-di-hospital</a>  | Harian Metro                                  | Neutral  |
| 4.  | <b>Bayi Lelaki Ditemui Di Trusan</b><br><br><a href="https://www.tvsarawak.my/2024/10/10/bayi-lelaki-ditemui-di-trusan/">https://www.tvsarawak.my/2024/10/10/bayi-lelaki-ditemui-di-trusan/</a><br><br><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/10/bayi-lelaki-ditemui-di-trusan">https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/10/bayi-lelaki-ditemui-di-trusan</a>  | TV Sarawak<br><br>Utusan Borneo               | Neutral  |

|    |  |   |         |
|----|--|---|---------|
| 5. | <p><b>OKU Sesat Di Hutan Ditemukan Selamat</b></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/10/10/oku-sesat-di-hutan-ditemukan-selamat/#google_vignette">https://malaysiagazette.com/2024/10/10/oku-sesat-di-hutan-ditemukan-selamat/#google_vignette</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-oku-sesat-di-hutan-sejak-semalam-ditemukan-selamat-491253">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-oku-sesat-di-hutan-sejak-semalam-ditemukan-selamat-491253</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2350281">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2350281</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1143151/hilang-3-hari-di-hutan-lelaki-oku-ditemukan-selamat">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1143151/hilang-3-hari-di-hutan-lelaki-oku-ditemukan-selamat</a></p> | <p>Malaysia Gazette</p> <p>Astro Awani</p> <p>Bernama</p> <p>Harian Metro</p> | Neutral |
|----|--|---|---------|



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## PERMAISURI AGONG BERKENAN KE PERSIDANGAN KESEJAHTERAAN MENTAL DAN PEMERKASAAN WANITA



Raja Zarith Sofiah berkenan berangkat ke majlis Persidangan Antarabangsa Kesejahteraan Mental dan Pemerkasaan Wanita bersama Dr Rania Awaad di sebuah hotel hari ini. Foto Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar

KUALA LUMPUR - Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah berkenan berangkat ke majlis Persidangan Antarabangsa Kesejahteraan Mental dan Pemerkasaan Wanita bersama Dr Rania Awaad di sebuah hotel di sini hari ini.

Menerusi hantaran di laman Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda disambut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Nancy Shukri, Timbalan Menteri KPWKM Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, Ketua Setiausaha KPWKM Datuk Dr Maziah Che Yusoff dan Pengarah Institut Sosial Malaysia Dr Faridah Awang.

Raja Zarith Sofiah turut berkenan meluangkan masa mengikuti perkongsian ilmu kesejahteraan mental disampaikan Dr Rania Awaad yang merupakan Profesor Klinikal Psikiatri dan Sains Tingkah Laku Pengamalan Penjagaan Kesihatan Universiti Stanford.

Dr Rania Awaad adalah perintis penubuhan Lembaga Penasihat Komuniti Kesihatan Mental Muslim (BAMMH CAB) yang pertama di Amerika Syarikat.

Majlis anjuran Institut Sosial Malaysia dan KPWKM itu turut dihadiri kira-kira 1,500 tetamu. - Bernama

## **JKM CARI WARIS JUIN SABIN**



KOTA KINABALU – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan waris seorang gelandangan yang diselamatkan dalam operasi di Pekan Manggatal, di sini pada Rabu.

Menurut kenyataan Pejabat Kebajikan Bahagian Kota Kinabalu, lelaki dikenali sebagai Juin Sabin, 56, berasal dari Kampung Mensiang, Manggatal.

Walau bagaimanapun, jejak waris melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mendapati beliau berasal dari Kg Sinulihan, Tamparuli.

Menurut Ketua Kg Sinulihan, Yundaw Rambatan keluarga Juin telah berpindah dari kampung tersebut sejak tahun 90-an.

Katanya, Juin diselamatkan berdasarkan maklumat dari Pemaju Mukim Inanam, Felix Vun serta aduan orang awam di kawasan itu.

Sementara itu, menurut kenyataan itu, semasa Juin diselamatkan, JKM hanya menemukan sekeping kad pengenalan dan dokumen nota discaj dari Hospital Queen Elizabeth.

“Juin memaklumkan bahawa beliau adalah anak sulung dari empat beradik dan mempunyai kedua orang tua yang dipercayai masih hidup tetapi tidak mengetahui lokasi keluarga.

“Nama bapanya ialah Sabin Godoom dan ibunya Dingkim Somori. Adik-beradiknya dikenali sebagai Jailin Sabin, Judy Sabin, dan Risot Sabin,” jelas kenyataan tersebut.

Sehubungan itu, JKM mohon yang mengenali Juin untuk menghubungi Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat, Rita Robert Rawantas di Pejabat Kebajikan Bahagian Kota Kinabalu melalui talian 088-269821 atau emel [rita.robert@jkm.gov.my](mailto:rita.robert@jkm.gov.my).

## **BAYI DITEMUKAN DI GERAI KUIH MASIH DIRAWAT DI HOSPITAL**

Alor Setar: Bayi lelaki [ditemukan dalam kotak](#) yang ditinggalkan di hadapan gerai kuih pasangan suami isteri di Kampung Rambai, Pendang dipercayai dilahirkan, sehari sebelum ditemukan, Selasa lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Wanita, Keluarga, Masyarakat dan Perpaduan Kedah Datuk Halimatun Shaadiah Saad berkata, bayi itu dilahirkan dengan berat 2.1 kilogram (kg) dalam keadaan sempurna.

Beliau berkata, setakat ini tiada sesiapa dalam kalangan keluarga bayi berkenaan membuat tuntutan dan kes masih dalam siasatan polis.

"Bayi itu dirawat di Hospital Pendang dan memakai oksigen kerana bimbang berlaku jangkitan pada paru-paru.

"Saya dimaklumkan doktor turut menggunakan antibiotik untuk bayi berkenaan ketika rawatan," katanya ketika dihubungi hari ini.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Pendang Deputy Superintendan Roslan Mat berkata, setakat ini tiada tangkapan dilakukan berhubung penemuan bayi itu setakat ini.

Dalam kejadian Selasa lalu, bayi itu ditemukan pasangan suami isteri warga emas di atas meja hadapan gerai kuih mereka sekitar 6.45 pagi.

## **BAYI LELAKI DITEMUI DI TRUSAN**

LAWAS, 10 Okt: Penduduk di sini digemparkan dengan penemuan seorang bayi lelaki di kawasan Trusan pagi tadi.

Ketua Polis Daerah Lawas, DSP Liong Tindan berkata, bayi berkenaan ditemui orang awam sebelum dihantar ke Hospital Lawas untuk menerima rawatan.

Liong berkata satu laporan polis dibuat mengenai penemuan bayi lelaki terbabit pada jam 9.40 pagi.

“Bayi lelaki yang tidak bertali pusat itu kini masih dirawat di Hospital Lawas dan dalam keadaan sihat.

“Kita sedang menjalankan siasatan mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan iaitu menyembunyikan kelahiran dengan niat membuang bayi,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Liong turut menasihatkan kepada orang awam agar tidak membuat sebarang spekulasi berkaitan kejadian ini.

“Sebarang maklumat berkenaan kejadian ini boleh disalurkan terus kepada Pegawai Penyiasat Inspektor Akmal di talian 011-58520868, 085-284467 atau mana-mana balai polis berhampiran,”katanya.- TVS

## **OKU SESAT DI HUTAN DITEMUKAN SELAMAT**

KOTA BHARU – Seorang lelaki Orang Kurang Upaya (OKU) yang dilaporkan sesat di hutan di Rancangan Pemulihan Tanah Sungai Pas, Kuala Krai semalam, ditemukan selamat malam ini.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kuala Krai Nik Ahmad Afsham Nik Pa berkata, mangsa yang dikenali sebagai Azhar Abdul Rashid, 50, dijumpai sedang berjalan kaki di ladang sawit Bukit Chengal oleh penduduk kampung pada pukul 8.14 malam.

Beliau berkata ketika ditemui mangsa tidak berpakaian dan dalam keadaan lemah dipercayai akibat kelaparan selepas tidak makan sejak semalam.

“Mangsa yang tidak mengalami sebarang kecederaan kemudiannya diserahkan kepada polis untuk dibawa ke hospital bagi pemeriksaan,” katanya kepada Bernama hari ini.

Seramai 38 anggota daripada pelbagai agensi terlibat dalam operasi mencari mangsa termasuk polis dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). – BERNAMA